

26 JUL 1997

Mahathir-Soros

MAHATHIR: GEORGE SOROS BERTANGGUNGJAWAB DALAM SERANGAN MATA WANG

Oleh: Azlina Aziz

KUALA LUMPUR, 26 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menamakan hartawan Amerika Syarikat George Soros sebagai orang yang bertanggungjawab terhadap serangan ke atas ringgit dan mata wang lain di rantau ini.

"Dia (Soros) juga dikenali sebagai orang yang cuba menggunakan pengaruh kewangannya di Amerika Syarikat untuk menyekat kemasukan Myanmar menganggotai Asean.

"Adalah sukar untuk memisahkan tangan kanan dan tangan kiri dan kadang kala anda tidak menyedari apakah yang dilakukan oleh tangan kanan anda. Tetapi dalam hal ini ia ternyata terdapat pertembungan. Dan hari ini, saya mengesahkan bahawa George Soroslah orang yang saya perkatkan," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Konsep Cadangan Permohonan Tender (CRFP) di sini.

Baru-baru ini, Dr Mahathir semasa lawatan ke Okayama, Jepun telah mendakwa bahawa seorang hartawan asing, yang beliau tidak menyebut namanya, mengganggu gugat mata wang di rantau ini untuk tujuan politiknya sendiri.

Akibatnya, mata wang Asean bermula dengan baht Thai, diikuti peso Filipina, rupiah Indonesia dan ringgit mengalami tekanan spekulatif secara besar-besaran sejak awal bulan ini.

Ketika ditanya pemberita mengenai tindakan yang harus diambil memandangkan serangan itu amat serius dan mungkin merosakkan ekonomi seluruh rantau ini, Dr Mahathir menjawab: "Memang, ia amat serius. Akibatnya ialah rakyat yang daif di negara-negara ini menanggung derita dan inilah orang-orang yang perlu dilindungi dari George Soros yang mempunyai terlalu banyak wang dan kuasa tetapi tidak berperni kemanusiaan."

Katanya dengan kejatuhan nilai mata wang di negara serantau, negara-negara miskin terpaksa "membayar lebih kerana mereka tiada pilihan melainkan membelinya dari luar negara".

"Kita telah bertungkus lumus selama 20 hingga 40 tahun untuk membangunkan negara untuk menikmati apa yang dicapai sekarang dan tiba-tiba datang seorang yang mempunyai wang beribu-ribu juta dolar Amerika dan dalam tempoh dua minggu, dia telah merosakkan hampir kesemua yang telah dicapai. Siapa yang menolong siapa ... itu yang saya ingin ketahui," katanya.

Dr Mahathir juga berkata apa yang berlaku sekarang adalah hampir serupa apabila Kumpulan Tujuh (G-7) memutuskan beberapa tahun lepas untuk menilai semula Yen.

"Akibatnya, terutamanya Malaysia, terpaksa mendapatkan lebih banyak ringgit untuk membayar balik hutang (Yennya). Malahan, kita terpaksa mencari lebih daripada dua setengah kali ringgit untuk membayar balik (yen) hutang," katanya.

Bagaimanapun, Pengurusan Tabung Soros (SFM) menafikan di New York pada Khamis lepas berhubung dakwaan bahawa ia campur tangan dalam pasaran mata wang Asia Tenggara untuk menghukum kerajaan-kerajaan yang menyokong kemasukan Myanmar menganggotai ASEAN yang sedang bermesyuarat di sini.

Jurucakap SFM, Shawn Pattison berkata tiada hubungan langsung antara kegiatan SFM dan pertubuhan amal yang diasaskan Soros, iaitu Institut Masyarakat Terbuka yang bertujuan mempromosikan demokrasi di seberang laut.

-- BERNAMA

AA MA AHH